



SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BILANGAN 16/2023

Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Dimuliakan / Yang Mulia
Setiausaha-Setiausaha Tetap
Ketua-Ketua Jabatan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Sila Rujuk Pembahagian)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PENGGUNAAN PENILAIAN PRESTASI SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*) MELALUI SISTEM SUMBER MANUSIA (SSM)

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita Peramba / Koala / Saya menarik perhatian semua Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan mengenai perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa modul Penilaian Prestasi bagi warga Perkhidmatan Awam telah pun tersedia di dalam Sistem Sumber Manusia (SSM). Penggunaan Penilaian Prestasi secara dalam talian melalui SSM ini akan dimandatorikan mulai **01 Oktober 2023** mengikut kitaran Sistem Pengurusan Prestasi iaitu bagi Penilaian Prestasi Tahun 2023 / 2024.

3. Penggunaan Penilaian Prestasi SSM tersebut nanti akan menggantikan borang Penilaian Prestasi yang digunakan secara manual pada masa ini. Proses Penilaian Prestasi akan dilaksanakan secara dalam talian di antara Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penilai, dimana selesai tempoh Penilaian, Markah Keseluruhan Prestasi akan dikira dan direkodkan secara automatik ke dalam SSM.

No



4. Pegawai Penilai dan Pegawai Yang Dinilai hendaklah **menetapkan KPI dan sasaran** yang perlu dijalankan sepanjang tempoh penilaian ke dalam SSM. Proses tersebut hendaklah dijalankan pada bulan **Oktober 2023**. Seterusnya, pemantauan pencapaian hasil (*results*) perlu dijalankan sebanyak dua (2) kali sebelum penilaian prestasi keseluruhan dibuat pada bulan September 2024, iaitu:

- i) Pemantauan pertama (*First Check-in*) dijalankan pada bulan **Februari 2024**;
- ii) Pemantauan kedua (*Second Check-in*) dijalankan pada bulan **Jun 2024**.

5. Beberapa fungsi baharu turut diperkenalkan dalam modul Penilaian Prestasi SSM. Di antaranya ialah notifikasi atau peringatan untuk merebui dan melaksanakan pemantauan pertama dan pemantauan kedua, seterusnya membuat **penilaian prestasi keseluruhan pada bulan September 2024**. Selain itu, laporan juga disediakan di dalam Sistem dan boleh dijana oleh setiap *HR Admin* bagi memantau status penilaian prestasi di Kementerian dan Jabatan masing-masing. Aliran proses Penilaian Prestasi SSM boleh diimbis melalui kod QR seperti yang **dilampirkan**.

6. Sehubungan dengan itu, dalam memastikan pelaksanaan Penilaian Prestasi secara dalam talian melalui SSM berjalan dengan lancar dan efektif, Jabatan Perkhidmatan Awam akan melaksanakan 'hands-on training' kepada seluruh pihak Pentadbiran (*HR Admin*) Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang dijangka akan diadakan pada November 2023 hingga Januari 2024. Sementara itu, bagi membantu dalam kefahaman ke atas penggunaan Penilaian Prestasi, manual pengguna seperti *Video Guide* dan *User Guide* bagi Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penilai bolehlah dirujuk dan dimuat turun melalui laman sesawang JPA di pautan **www.jpa.gov.bn/SSM**.

No



Sekian yang dapat disebarkan / disampaikan untuk perhatian dan tindakan lanjut Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Mulia Pengiran / Yang Mulia Pengiran Datin / Yang Dimuliakan / Dato / Datin / Tuan / Puan mengenainya.

وَاللَّهُ لِيَتُوفِيقَ

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Rasulullah Rahmat Bagi Seluruh Alam"

Dengan hormat,

[DR. NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Tarikh: 03 Rabiulawal 1445H / 19 September 2023M

Rujukan: (131)JPA/1.5/SSM/1/2023